

Perkaitan Antara Hubungan Kekeluargaan, Pengaruh Rakan Sebaya dan Kecerdasan Emosi Dengan Tingkah Laku Delinkuen Pelajar Sekolah Bestari Di Daerah Pontian

¹Azizi Yahaya, ²Noordin Yahaya, ³Juriah Juriah @ Daing Junaidah Bte Hj. Bachok

¹ Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

²Universiti Teknologi Mara (Melaka)

Latar Belakang Hampir setiap hari ada sahaja salah laku remaja berlaku, baik dalam bentuk yang sekecil-kecilnya iaitu seperti ponteng sekolah, melawan guru dan sebagainya hinggalah kepada salah laku yang lebih serius seperti pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan yang akhirnya akan mewujudkan pelbagai gejala sosial seperti bersekedudukan, lari dari rumah, bohsia, bohdan dan akhirnya membawa kepada perlakuan pengguguran dan pembuangan bayi (Sabitha & Mahmood, 1995).

Tujuan Kajian dijalankan untuk mengenalpasti adakah faktor hubungan kekeluargaan, kecerdasan emosi dan pengaruh rakan sebaya menyumbang kepada tingkah laku delinkuen pelajar.

Sampel Subjek kajian seramai 201 orang pelajar tingkatan dua dan empat yang terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan.

Kaedah Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah persampelan rawak berstrata berdasarkan ciri populasi dan menggunakan instrument kajian berbentuk soal-selidik.

Keputusan Daripada analisis regeasi pelbagai yang dijalankan didapati terdapat varian yang signifikan bagi faktor (hubungan kekeluargaan, jantina dan pengaruh rakan sebaya) terhadap kriteria tingkah laku delinkuen.

Kesimpulan Banyak lagi faktor-faktor yang mempengaruhi salah laku pelajar yang perlu dikaji dan dikupas kerana ianya akan dapat memberi sumbangan yang besar kepada semua golongan masyarakat dan pihak kerajaan bagi membendung masalah salah laku daripada berleluasa dan berterusan sehingga terbawa-bawa ke alam dewasa. Adalah amat merugikan sekiranya generasi akan datang yang dikatakan sebagai pemimpin masa depan tidak mempunyai disiplin dan personaliti yang baik disebabkan masalah salah laku yang mereka alami di zaman persekolahan tidak dapat ditangani dengan baik. Semoga para pelajar sentiasa berpersonaliti sebagai pelajar yang baik dan berdisiplin bagi memastikan negara mempunyai pemimpin masa depan yang boleh dipercayai.

Kata kunci: hubungan kekeluargaan, kecerdasan emosi dan pengaruh rakan sebaya dan tingkah laku delinkuen.

Pendahuluan

Peranan golongan pelajar tidak dinafikan kerana mereka merupakan pewaris yang akan menentukan hala tuju masa depan negara. Pelajar mempunyai pengaruh besar terhadap

keadaan sosial, politik dan ekonomi negara. Pelajar yang akan memegang tampuk pentadbiran, penggerak ekonomi dan pembangun generasi. Namun dalam pada itu kita tidak putus-putus dibebani dengan masalah sosial remaja yang semakin hari semakin meruncing. Masyarakat dikejutkan dengan pelbagai paparan secara terbuka baik di media elektronik, media cetak mahupun di internet. Kemelut masalah remaja kini semakin menjadi-jadi walaupun pelbagai langkah telah dan sedang diambil untuk membanteras kegiatan tidak sihat di kalangan remaja. Kerosakan akhlak dan kejadian salah laku di kalangan remaja di negara kita semakin meruncing dan meningkat setiap tahun (Maizatul Akmam, 2007).

Literatur

Pembolehubah

Kajian ini ingin melihat perkaitan antara pembolehubah yang tidak bersandar seperti hubungan kekeluargaan, pengaruh rakan sebaya dan kecerdasan emosi dengan tingkah laku delinkuen.

1. Faktor Hubungan Kekeluargaan

Sering kali dinyatakan ibu bapa yang menentukan kejayaan anak-anak dalam pelajaran. Ini kerana ibu bapa yang sentiasa memberi galakan dan perangsang sehingga anak-anak timbul minat, semangat ketekunan dan keyakinan diri dalam menghadapi pelajaran (Jamal Darus, 1989). Ibu bapa juga yang menentukan pola-pola tingkah laku anak. Faktor-faktor berikut mempunyai kesan-kesan tertentu ke atas pembentukan personaliti, motivasi dan pencapaian akademik pelajar-pelajar. Faktor-faktor itu adalah dorongan dan galakan, disiplin di rumah, hubungan mesra antara ibu bapa dan anak dan keluarga yang utuh. Namun salah satu faktor yang menjadi penyumbang kepada salah laku pelajar ialah nilai kekeluargaan yang semakin pudar dan rapuh dikalangan masyarakat kita hari ini. Nilai kekeluargaan ini amat penting untuk pembesaran dan perkembangan emosi kanak-kanak. Perubahan cara hidup hari ini menyebabkan ibu bapa terpaksa membiarkan anak-anak membesar di tangan orang lain tanpa perhatian yang sewajarnya.

2. Faktor Rakan Sebaya

Ahli sosiologi mengistilahkan rakan sebaya sebagai kumpulan kanak-kanak ataupun kumpulan remaja yang mempunyai lingkungan umur yang sama (Hazil Abdul Hamid: 1990; 89). Kumpulan rakan sebaya ini mempunyai peranan dalam aktiviti sosial. Ia adalah agensi tidak formal yang memberikan pengalaman yang tidak dapat diperolehi daripada keluarga dan juga di sekolah. Bagi para pelajar, rakan sebaya adalah tempat mereka mencurahkan masalah dan pengganti ibu bapa, terutamanya bagi golongan yang mempunyai masalah di rumah. Remaja biasanya akan memilih rakan sebaya yang mempunyai persamaan tingkah laku, sikap dan identiti dengan mereka (Akers, Jones & Coyle, 1998; Hogue & Steinberg, 1995). Selain dipengaruhi mereka juga didominasi oleh rakan sebaya (Brown, 1990).

Berndt (1979) telah membuat suatu kajian tentang kecenderungan menurut seseorang remaja. Beliau mendapati bahawa kecenderungan rakan sebaya paling tinggi pada umur 14 hingga 15 tahun. Malah konflik dengan ibu bapa paling banyak berlaku pada tahap ini. Ini kerana kecenderungan menurut tingkah laku anti sosial paling tinggi pada umur ini. Remaja lebih cenderung menurut pengaruh rakan sebaya kerana mereka berada dalam proses membebaskan diri daripada pengaruh ibu bapa dan mereka mula berfikir untuk diri sendiri.

3. Faktor Kecerdasan Emosi Individu

Pada awal tahun 1940, David Wechsler telah memulakan perbincangan tentang konsep kecerdasan. Menurut beliau, terdapat dua unsur kecerdasan iaitu kecerdasan kognitif dan kecerdasan bukan kognitif. Thorndike telah berbincang tentang konsep kecerdasan sosial pada 1920 dan telah dianggap sebagai asas kepada perkembangan teori kecerdasan emosi (Goleman, 1995). Pada tahun 1980, Dr Reuven Bar-on memulakan penyelidikan untuk mengenal pasti kejayaan dan kebolehan seseorang dalam kehidupannya berbanding orang lain. Daripada keputusan penyelidikannya, beliau mendapati banyak faktor kecerdasan bukan kognitif telah menyumbang dalam kejayaan seseorang dalam kehidupannya. Pada tahun 1985, Reuven Baron mencipta istilah EQ (Emotional Quotient) untuk menggambarkan pendekatannya dalam penilaian terhadap kecerdasan umum. Beliau menerangkan kecerdasan emosi mencerminkan kebolehan seseorang berunding secara baik dengan orang lain dan pengawalan terhadap diri sendiri.

Jenis Delinkuen

Delinkuen berasal daripada perkataan Latin “delinquere” bererti terabaikan, mengabaikan yang kemudiannya diperluaskan ertinya menjadi jahat, antisosial, melakukan jenayah dan melanggar peraturan (Kartini, 1986).

1. Jenis Delinkuen Mengikut Jantina

Secara amnya terdapat pola tertentu mengikut jantina dengan delinkuen yang dilakukan oleh kaum remaja. Sesetengah delinkuen banyak dilakukan oleh kaum perempuan dan sesetengahnya banyak dilakukan oleh kaum lelaki. Kadang kala sesetengah delinkuen tidak dipengaruhi oleh jantina sebagai pembolehubah yang utama, faktor umur remaja juga berhubungkait. Ab. Alim (1988) dalam kajiannya di dua buah sekolah mendapati 77.6 peratus pelajar lelaki terlibat dengan kesalahan di sekolah. Hanya 22.4 peratus pelajar perempuan terlibat dengan kesalahan tersebut. Ini menunjukkan pelajar lelaki lebih banyak melakukan kesalahan berbanding dengan pelajar perempuan. Kajian Kandiah (1982) yang dijalankan ke atas 3156 remaja. Beliau mendapati 97.6 peratus remaja lelaki dan hanya 2.4 peratus remaja perempuan yang

terlibat dengan perintah mahkamah ke institusi pemulihan. Banyak kajian menunjukkan lelaki lebih agresif daripada perempuan.

2. Jenis Delinkuen Mengikut Lokasi

Daripada statistik polis, jumlah remaja yang lari meninggalkan rumah adalah begitu menonjol sekali. Bandar-bandar besar mencatatkan angka yang tinggi sekali. Di Wilayah Persekutuan 102 kes, Selangor 96 kes dan Pulau Pinang 60 kes sepanjang enam bulan pertama tahun 1988 (Ab. Alim, 1988). Keadaan ini menunjukkan kes lari meninggalkan rumah berlaku di kawasan tertentu. Kes lari dari rumah berlaku di kawasan bandar kerana beberapa sebab:

- a. Di kawasan bandar terdapat kawasan setinggan. Keluarga remaja di kawasan ini berpendapatan rendah. Mereka melarikan diri untuk mencari pekerjaan untuk sara hidup sendiri atau melakukan maksiat.
- b. Suasana di kawasan setinggan tidak terkawal dan terdedah kepada berbagai-bagai tingkah laku delinkuen. Kadangkala ibu bapa mereka kurang mengawasi pergerakan remaja.
- c. Ikatan sosial dalam kalangan keluarga yang berada di kawasan bandar telah longgar. Anak remaja ingin hidup bebas kerana terpengaruh oleh rakan sebaya. Keadaan ini menyebabkan anak remaja merasakan ibu bapa mereka perlu memberi kebebasan sepenuhnya kepada mereka.

Objektif

Kajian ini dijalankan adalah untuk,

- Untuk mengetahui sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara faktor hubungan kekeluargaan, kecerdasan emosi, dan pengaruh rakan sebaya dengan tingkah laku delinkuen pelajar Sekolah Bestari.
- Untuk mengetahui perbezaan dari segi hubungan kekeluargaan, pengaruh rakan sebaya dan kecerdasan emosi dengan tingkah laku delinkuen pelajar sekolah Bestari mengikut jantina.
- Untuk mengetahui sama ada terdapat sumbangan yang signifikan antara jantina, pendapatan keluarga, hubungan kekeluargaan, pengaruh rakan sebaya, dan kecerdasan emosi dengan tingkah laku delinkuen.
- Untuk membina model peramal faktor-faktor tingkah laku delinkuen iaitu jantina, pendapatan keluarga, hubungan kekeluargaan, pengaruh rakan sebaya dan kecerdasan emosi.

Persoalan Kajian

- Apakah kecerdasan emosi merupakan faktor utama yang mempengaruhi tingkah laku delinkuen pelajar Sekolah Bestari?
- Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara faktor hubungan kekeluargaan, kecerdasan emosi, dan pengaruh rakan sebaya dengan tingkah laku delinkuen pelajar Sekolah Bestari?
- Adakah terdapat perbezaan dari segi hubungan kekeluargaan, pengaruh rakan sebaya dan kecerdasan emosi dengan tingkah laku delinkuen pelajar sekolah Bestari mengikut jantina?
- Adakah terdapat sumbangan yang signifikan antara jantina, pendapatan keluarga, hubungan kekeluargaan, pengaruh rakan sebaya, dan kecerdasan emosi dengan tingkah laku delinkuen?
- Adakah terdapat peramal faktor-faktor jantina, pendapatan keluarga, hubungan kekeluargaan, pengaruh rakan sebaya, dan kecerdasan emosi yang signifikan dengan tingkah laku delinkuen pelajar?

Hipotesis Kajian


- Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor hubungan kekeluargaan, kecerdasan emosi, dan pengaruh rakan sebaya dengan tingkah laku delinkuen pelajar Sekolah Bestari.
- Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor demografi (jantina) dari segi hubungan kekeluargaan, pengaruh rakan sebaya dan kecerdasan emosi dengan tingkah laku delinkuen pelajar sekolah Bestari
- Tidak terdapat sumbangan yang signifikan antara jantina, pendapatan keluarga, hubungan kekeluargaan, pengaruh rakan sebaya dan kecerdasan emosi dengan tingkah laku delinkuen.
- Tidak terdapat peramal faktor-faktor jantina, pendapatan keluarga, hubungan kekeluargaan, pengaruh rakan sebaya, dan kecerdasan emosi yang signifikan dengan tingkah laku delinkuen pelajar.

Metodologi

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk deskriptif. Kaedah kuantitatif digunakan dalam kajian ini. Menurut Azizi, Shahrin, Yusof, Jamaludin, Rahim (2007), penyelidikan deskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku. Di dalam kajian ini tiga pemboleh ubah bebas iaitu hubungan kekeluargaan, pengaruh rakan sebaya dan kecerdasan emosi dimanipulasikan untuk melihat tahap tingkah laku delinkuen pelajar. Reka bentuk kajian ini berdasarkan model yang dibina oleh Aziz Abu Bakar (1977) di mana penyelidik telah membuat pengubahsuaian model salah laku kepada masalah salah laku yang sering berlaku di sekolah.

Berdasarkan model peramal tingkah laku delinkuen, penyelidikan dibuat untuk mengenalpasti sama ada wujud korelasi yang signifikan antara pemboleh ubah bebas seperti jantina, pendapatan keluarga, hubungan kekeluargaan, pengaruh rakan sebaya dan kecerdasan emosi terhadap pemboleh ubah bersandar (tingkah laku delinkuen). Begitu juga penyelidik ingin melihat kekuatan hubungan antara pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar.



Rajah 3.1 : Model Peramal Tingkah Laku Delinkuen

Sampel Kajian

Subjek kajian ini terdiri daripada pelajar tingkatan dua dan empat sebuah sekolah bestari di Daerah Pontian, Johor. Jumlah populasi ialah seramai 420 orang pelajar. Sampel yang dipilih terdiri daripada 201 orang pelajar untuk mewakili seluruh populasi pelajar tingkatan dua dan empat, sekolah bestari di Daerah Pontian itu. Penyelidik dengan sengaja memilih sampel dengan tujuan mendapatkan jumlah sampel yang mewakili populasi.

Kajian ini menggunakan kaedah persampelan rawak berstrata berdasarkan ciri populasi. Menurut Mohd Najib (2003) dalam persampelan rawak berstrata, pemilihan sampel dibuat dengan menentukan jumlah populasi, ciri-ciri demografi latar belakang mereka dengan lebih jelas. Berdasarkan maklumat-maklumat ini, pengkaji boleh menentukan lebih awal strata responden dan memilih sampel kajian secara rawak mudah seperti yang telah ditetapkan iaitu berdasarkan jumlah pelajar lelaki dan perempuan bagi setiap tingkatan dua dan empat.

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk soal selidik. Instrumen berbentuk soal selidik merupakan cara yang paling berkesan bagi mendapatkan maklumat daripada responden (Tuckman, 1978). Cates (1980) pula berpendapat, penggunaan instrument berbentuk soal selidik adalah amat berkesan jika ia disediakan dengan baik dan mempunyai item-item yang konsisten dan boleh dipercayai. Dalam keadaan masa dan kos yang terhad, ia merupakan cara yang paling sesuai digunakan. Dengan menggunakan soal selidik juga responden tidak perlu menulis nama dan ini memungkinkan mereka menjawab dengan jujur (Cockburn, 1996). Pembinaan soal selidik ini telah dilakukan berdasarkan beberapa andaian yang telah dicadangkan oleh Wolf (1988) iaitu:

- i. Responden mudah membaca dan memahami item-item soal selidik
- ii. Responden mempunyai pengetahuan atau pengalaman yang mencukupi untuk menjawab item-item dalam soal selidik
- iii. Responden menjawab soal selidik secara sukarela dan ikhlas

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai alat mengumpulkan maklumat. Instrumen dibina untuk meninjau sumbangan hubungan kekeluargaan, pengaruh rakan sebaya dan tahap kecerdasan emosi terhadap tingkah laku delinkuen pelajar. Instrumen yang dibina ini diambil oleh penyelidik dari contoh-contoh soalan kajian-kajian yang terdahulu dan disesuaikan oleh pengkaji berdasarkan tempat dan latar belakang responden. Soal selidik dalam bahagian ini dibahagikan kepada

Soal Selidik Latar Belakang Responden

Soal selidik latar belakang responden melihat kepada item-item yang berkaitan dengan faktor demografi iaitu umur, jantina, bilangan adik-beradik dan anak keberapa. Responden perlu menjawab dengan menandakan (√) pada ruangan yang disediakan mengikut kesesuaian maklumat yang ada dan menyatakan maklumat yang diperlukan. Kaedah ini mampu memberikan maklumat tepat yang dikehendaki (Borg dan Gall, 1983).

Soal Selidik Hubungan Kekeluargaan

Soal selidik berkaitan hubungan kekeluargaan yang dilihat daripada tahap hubungan dalam keluarga. Selain itu dilihat juga penglibatan keluarga dalam masalah sosial. Untuk memudahkan responden menjawab, penyelidik menggunakan Skala Likert sebagai pengukuran dalam kajian ini. Menurut Najib (1999), subjek atau responden dikehendaki menjawab dengan menandakan jawapan mereka tentang sesuatu kenyataan berdasarkan satu skala dari satu ekstrem kepada ekstrem yang lain. Contohnya dari sangat setuju kepada sangat tidak setuju.

Soal Selidik Pengaruh Rakan Sebaya

Soal selidik berkaitan pengaruh rakan sebaya bagi melihat pengaruh rakan sebaya, penyelidik telah menyediakan 10 soalan untuk mengukur tahap tinggi atau rendahnya pengaruh rakan sebaya terhadap tingkah laku delikuen pelajar. Untuk memudahkan responden menjawab, penyelidik telah menggunakan pemeringkatan skala lima mata. Pemberatan item ini diterbalikkan nilainya sekiranya item-item itu berbentuk negatif. Kedua-dua nilai positif dan negatif ini kemudiannya dicampurkan untuk mendapatkan min bagi aspek-aspek yang dikaji.

Soal Selidik Kecerdasan Emosi

Soal selidik berkaitan kecerdasan emosi bagi melihat pengaruh kecerdasan emosi, penyelidik telah menyediakan 10 soalan untuk mengukur tahap tinggi atau rendahnya pengaruh kecerdasan emosi terhadap tingkah laku delinkuen pelajar. Untuk memudahkan responden menjawab, penyelidik telah menggunakan pemeringkatan skala lima mata. Pemberatan item ini diterbalikkan nilainya sekiranya item-item itu berbentuk negatif. Kedua-dua nilai positif dan negatif ini kemudiannya dicampurkan untuk mendapatkan min bagi aspek-aspek yang dikaji.

Soal Selidik Tingkah Laku Delinkuen

Soal selidik berkaitan tingkah laku delikuen pelajar bagi melihat tahap tingkah laku delinkuen pelajar, penyelidik telah menyediakan 20 soalan untuk mengukur tahap tinggi atau rendahnya tingkah laku delinkuen pelajar. Untuk memudahkan responden menjawab, penyelidik telah menggunakan pemeringkatan skala lima mata selalu kepada tidak pernah.

Kajian Rintis

Menurut Azizi et al. (2007), kajian rintis adalah merujuk kepada versi kajian kecil atau percubaan yang dilakukan sebagai persediaan untuk kajian yang lebih besar atau utama. Baker (1994) pula berpendapat, kajian rintis boleh merupakan pra ujian untuk mencuba instrument kajian yang khusus. Kajian rintis dapat membantu penyelidik memperoleh petunjuk awal tentang mana-mana bahagian kajian yang mungkin tidak tepat atau gagal. Ianya juga membolehkan penyelidik mengenal pasti sebarang kekurangan dalam instrumen kajian dan seterusnya memperbaiki kelemahan tersebut.

Kajian rintis membolehkan penyelidik mengenal pasti kekurangan dalam instrumen kajian dan seterusnya memperbaikinya supaya tidak menjejaskan hasil kajian. Kajian rintis juga dijalankan bagi memastikan item-item yang digunakan mempunyai kerangka rujukan yang sama di antara responden dengan penyelidik. Alfa Cronbach akan digunakan bagi menentukan kebolehpercayaan dan kesahan soal selidik tersebut. Alfa Cronbach 0.8 hingga 1, maka soal selidik tersebut mempunyai nilai kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi. Nilai 0.6 hingga 0.7 pula menunjukkan soal selidik yang diuji mempunyai nilai kebolehpercayaan yang boleh diterima. Menurut Mohd Najib (2003), nilai alpha adalah perlu melebihi 0.8 bagi memastikan kebolehpercayaan soal selidik.

Jadual 3.11 : Kebolehpercayaan Item

Item Persoalan	Pekali Alpha
Hubungan dalam keluarga	0.7712
Pengaruh rakan sebaya	0.7553
Kecerdasan emosi	0.6990
Tingkah laku delinkuen	0.8138
Keseluruhan Item	0.8586

Prosedur Pengumpulan Data

Penyelidik telah membuat penyelidikan untuk mendapatkan maklumat kajian-kajian yang telah dibuat oleh penyelidik lain tentang masalah delinkuen dalam kalangan pelajar dan puncanya. Bagi melancarkan proses kajian, satu permohonan telah diajukan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Penyelidik juga meminta kebenaran dari Jabatan Pelajaran Negeri Johor untuk menjalankan penyelidikan ke atas sekolah yang terpilih. Penyelidik mendapatkan kebenaran daripada pihak sekolah sebelum mengedarkan borang soal selidik. Penyelidik sendiri memberikan penerangan kepada pelajar berkenaan dengan tatacara menjawab soal selidik.

Keputusan

Analisis Regresi

Hipotesis : Tidak terdapat sumbangan yang signifikan antara faktor jantina, pendapatan keluarga, hubungan kekeluargaan, pengaruh rakan sebaya, dan kecerdasan emosi dengan tingkah laku delinkuen

Analisis regresi melibatkan lima peramal (jantina, pendapatan keluarga, hubungan kekeluargaan, pengaruh rakan sebaya dan kecerdasan emosi), manakala pemboleh ubah tingkahlaku delinkuen adalah sebagai (criterion) kepada kelima -lima pemboleh ubah tersebut. Jadual 1, menunjukkan hasil regresi berganda (stepwise). Daripada analisis yang dijalankan didapati terdapat varian yang signifikan bagi faktor (hubungan kekeluargaan, jantina dan pengaruh rakan sebaya) terhadap kriterion tingkah laku delinkuen.

Jadual 1 : Korelasi matriks antara pemboleh ubah bersandar dan tidak bersandar

	M (SD)	J	HK	KE	PRS	PDPTN	TLD
J	1.50 (0.501)	1.0					
HK	4.26 (0.521)	.077	1.0				
KE	3.86 (0.587)	.034	.447**	1.0			
PRS	3.71 (0.478)	.241	-.046	.129	1.0		

PDPTN	1.53 (0.405)	-.185	-.018	-.81	-.015	1.0	
TLD	1.32 (0.377)	-.304	-.317**	-.173*	-.219**	.142	1.0

Note : J = Jantina, HK = Hubungan Kekeluargaan, KE = Kecerdasan Emosi, PRS = Pengaruh Rakan Sebaya, PDPTN = Pendapatan, TLD = Tingkah Laku Delinkuen *p < .05, **p < .01

Jadual 1, menunjukkan keputusan korelasi di antara pemboleh ubah bersandar (jantina, hubungan kekeluargaan, kecerdasan emosi, pengaruh rakan sebaya dan pendapatan keluarga) dan pemboleh ubah tidak bersandar (tingkah laku delinkuen). Keputusan dapat dilihat melalui tiga analisis variasi (ANOVA) yang menunjukkan sumbangan signifikan.

Terdapat sumbangan yang signifikan antara jantina dengan tingkah laku delinkuen, $F(1,199) = 20.277$, $p < .05$ di mana $p = .001$. Bagi hubungan kekeluargaan dengan tingkah laku delinkuen sumbangan signifikannya adalah $F(2,198) = 21.579$, $p < .05$ di mana $p = .001$. Dan terdapat sumbangan signifikan antara pengaruh rakan sebaya dengan tingkah laku delinkuen $F(3,197) = 17.243$, $p < .05$ di mana $p = .001$. Manakala bagi kecerdasan emosi dan pendapatan keluarga tidak mempunyai sumbangan yang signifikan dengan tingkah laku delinkuen.

Berdasarkan Jadual 2, hasil analisis nilai R^2 bagi model 1 (jantina) adalah 0.092. Semakin kecil R^2 , maka semakin kurang kemampuan pemboleh ubah bebas (jantina) untuk menerangkan pemboleh ubah bergantung (tingkah laku delinkuen), $F(1,199) = 20.277$, $P = 0.001 < 0.05$. Bila dilihat kepada nilai Beta, faktor jantina (Beta = -0.238, $t = -3.631$, Sig = 0.001 dan $R^2 = 0.179$). Ini bermakna model yang dicadangkan sesuai dengan data dalam nilai peratusan hanya 9.2 peratus sahaja. Kesimpulan yang dibuat turut disokong oleh analisis anova yang signifikan di mana nilai signifikannya 0.001 adalah lebih kecil dari nilai aras signifikan yang ditentukan iaitu 0.05. Dapatan ini bermaksud peramal pertama iaitu jantina yang ditunjukkan oleh model pertama menyumbang sebanyak 9.2 peratus perubahan tambahan dalam kriteria (tingkah laku delinkuen).

Nilai analisis R^2 bagi model 2 (hubungan kekeluargaan) adalah 0.179. Semakin kecil R^2 , maka semakin kurang kemampuan pemboleh ubah bebas (hubungan kekeluargaan) untuk menerangkan pemboleh ubah bergantung (tingkah laku delinkuen), $F(2,198) = 21.579$, $P = 0.001 < 0.05$. Bila dilihat kepada nilai Beta, faktor hubungan kekeluargaan (Beta = -0.306, $t = -4.806$, Sig = 0.001 dan $R^2 = 0.179$). Ini bermakna model yang dicadangkan sesuai dengan data dalam nilai peratusan hanya 17.9 peratus sahaja. Kesimpulan yang dibuat turut disokong oleh analisis anova yang signifikan di mana nilai signifikannya 0.001 adalah lebih kecil dari nilai aras signifikan yang ditentukan iaitu 0.05. Dapatan ini bermaksud peramal kedua iaitu hubungan kekeluargaan yang ditunjukkan oleh model kedua menyumbang sebanyak 17.9 peratus perubahan tambahan dalam kriteria (tingkah laku delinkuen).

Melalui hasil analisis nilai R^2 bagi model 3 (pengaruh rakan sebaya) adalah 0.208. Semakin kecil R^2 , maka semakin kurang kemampuan pemboleh ubah bebas (pengaruh rakan sebaya) untuk menerangkan pemboleh ubah bergantung (tingkah laku delinkuen), $F(3,197) = 17.243$, $P = 0.001 < 0.05$. Bila dilihat kepada nilai Beta, faktor pengaruh

rakan sebaya (Beta = -0.176, t = -2.686, Sig = 0.008 dan R² = 0.208). Ini bermakna model yang dicadangkan sesuai dengan data dalam nilai peratusan hanya 20.8 peratus sahaja. Kesimpulan yang dibuat turut disokong oleh analisis anova yang signifikan di mana nilai signifikannya 0.001 adalah lebih kecil dari nilai aras signifikan yang ditentukan iaitu 0.05. Dapatan ini bermaksud peramal ketiga iaitu pengaruh rakan sebaya yang ditunjukkan oleh model ketiga menyumbang sebanyak 20.8 peratus perubahan tambahan dalam kriterion (tingkah laku delinkuen).

Berdasarkan nilai R² bagi ketiga-tiga model ini dapat disimpulkan bahawa dapatan ini menunjukkan bahawa 9.2 peratus faktor jantina menyumbang terhadap tingkah laku delinkuen, peratus pertambahan ini meningkat kepada 17.9 peratus apabila sumbangan faktor hubungan kekeluargaan diambil kira dan terus meningkat kepada 20.8 peratus jika faktor pengaruh rakan sebaya diambil kira terhadap perubahan tingkah laku delinkuen.

Jadual 2 : Keputusan Analisis Regresi Berganda Bagi Sumbangan Faktor Jantina, Hubungan Kekeluargaan Dan Kecerdasan Emosi dengan Tingkah Laku Delinkuen

Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate	Change Statistics				
					R Square Change	F Change	df 1	df 2	Sig.F Change
1	.304 ^a	.092	.088	.36068	.092	20.277	1	199	.001
2	.423 ^b	.179	.171	.34393	.086	20.857	1	198	.001
3	.456 ^c	.208	.196	.33865	.029	7.216	1	197	.008

- a. Predictors: (Constant), Jantina Responden
- b. Predictors: (Constant), Jantina Responden, MHK
- c. Predictors: (Constant), Jantina Responden, MHK, MPRS
- d. Dependent Variable : Tingkah Laku Delinkuen

Hasil analisis tersebut juga membolehkan penyelidik mendapatkan persamaan regresi yang boleh digunakan untuk meramalkan nilai Y di masa hadapan. Hasil analisis persamaan regresi diperolehi seperti berikut:

$$Y = \beta_0 + \beta_1x + \beta_2x^2 + \beta_3x^3 + \beta_4x^4 + \text{Ralat Piawai}$$

$$Y = 3.055 - 0.179x - 0.222x^2 - 0.139x^3 + 0.277$$

Y = Tingkah laku delinkuen

$$\beta_{1x} = - 0.179 \text{ (Jantina)}$$

$$\beta_{2x^2} = - 0.222 \text{ (Hubungan Kekeluargaan)}$$

$$\beta_{3x^3} = - 0.139 \text{ (Pengaruh Rakan Sebaya)}$$

$$\text{Ralat Piawai (Constant Standard Error)} = 0.277$$

$$\text{Pemalar (Constant)} = 3.055$$

Daripada analisis yang dijalankan berdasarkan Jadual 3, didapati bahawa terdapat varian yang signifikan bagi faktor (hubungan kekeluargaan, jantina dan pengaruh rakan sebaya) terhadap kriterion tingkah laku delinkuen, iaitu F = 20.277, Sig = 0.001 < 0.05 (faktor jantina), F = 21.579, Sig = 0.001 < 0.05 (faktor hubungan kekeluargaan) dan F =

17.243, Sig = 0.001 < 0.05 (faktor pengaruh rakan sebaya). Bila dilihat kepada nilai Beta, faktor jantina (Beta = -0.24, t = -3.62, Sig = 0.001 dan R² = 0.092), faktor hubungan kekeluargaan (Beta = -0.31, t = -4.21, Sig = 0.001 dan R² = 0.179) dan faktor pengaruh rakan sebaya (Beta = -0.179, t = -2.62, Sig = 0.009 dan R² = 0.208). Kesimpulan dapatan regresi ini ialah,

- i) Apabila faktor jantina meningkat seunit, maka skor tingkah laku delinkuen akan meningkat sebanyak 9.2 peratus.
- ii) Apabila faktor hubungan kekeluargaan meningkat seunit, maka skor tingkah laku delinkuen akan meningkat sebanyak 17.9 peratus.
- iii) Apabila faktor pengaruh rakan sebaya meningkat seunit, maka skor tingkah laku delinkuen akan meningkat sebanyak 20.8 peratus.

Dapat disimpulkan bahawa dapatan ini menunjukkan bahawa 9.2 peratus faktor jantina menyumbang terhadap tingkah laku delinkuen, peratus pertambahan ini meningkat kepada 17.9 peratus apabila sumbangan faktor hubungan kekeluargaan diambil kira dan terus meningkat kepada 20.8 peratus jika faktor pengaruh rakan sebaya diambil kira terhadap perubahan tingkah laku delinkuen.

Jadual 3 : Keputusan Analisis Regresi Berganda Bagi Sumbangan Faktor Jantina, Hubungan Kekeluargaan Dan Pengaruh Rakan Sebaya Dengan Tingkah Laku Delinkuen

Variabel	Multiple R	β	Standard error <i>b</i>	Beta	<i>t</i>	Significance of <i>t</i>
Jantina	0.46	-0.18	0.050	-0.24	-3.62	0.001
Hubungan Kekeluargaan	0.39	-0.22	0.052	-0.31	-4.21	0.001
Pengaruh Rakan Sebaya	0.26	-0.14	0.053	-0.179	-2.62	0.008

Jadual 4 : Keputusan Analisis Regresi Berganda Bagi Sumbangan Faktor Hubungan Kekeluargaan, Pendapatan Keluarga, Pengaruh Rakan Sebaya Dan Jantina Dengan Kecerdasan Emosi

Variabel	Multiple R	β	Standard error <i>b</i>	Beta	<i>t</i>	Significance of <i>t</i>
Hubungan Kekeluargaan	0.200	0.511	0.071	0.454	7.23	0.000
Pengaruh Rakan Sebaya	0.222	0.184	0.077	0.150	2.38	0.018
Pendapatan Keluarga	-	-0.073	-	-	1.149	0.252
Jantina	-	-0.39	-	-	0.053	0.958

Jadual 5 : Keputusan Analisis Regresi Berganda Bagi Sumbangan Faktor Hubungan Kekeluargaan Dan Jantina Dengan Pengaruh Rakan Sebaya

Variabel	Multiple R	β	Standard error <i>b</i>	Beta	<i>t</i>	Significance of <i>t</i>
Pengaruh Rakan Sebaya	0.25	-0.06	0.063	-0.64	-0.933	0.352
Jantina	0.53	0.230	0.066	0.241	3.498	0.001


Jadual 6 : Keputusan Analisis Regresi Berganda Bagi Sumbangan Faktor Hubungan Kekeluargaan Dengan Pendapatan Keluarga

Variabel	Multiple R	β	Standard error	Beta	<i>t</i>	Significance
----------	------------	---------	----------------	------	----------	--------------

	<i>b</i>			<i>of t</i>
Hubungan Kekeluargaan	-	-	0.104	0.030 -0.811 0.418

Hipotesis : Tidak terdapat peramal faktor jantina, pendapatan keluarga, hubungan kekeluargaan, pengaruh rakan sebaya, dan kecerdasan emosi yang signifikan dengan tingkah laku delinkuen pelajar

Analisis regresi (stepwise) melibatkan lima peramal (jantina, pendapatan keluarga, hubungan kekeluargaan, pengaruh rakan sebaya dan kecerdasan emosi). Manakala tingkah laku delinkuen adalah sebagai (kriterion) kepada lima pemboleh ubah tersebut. Rajah 1, menunjukkan hasil regresi berganda (stepwise). Daripada analisis yang dijalankan didapati bahawa terdapat varian yang signifikan bagi faktor jantina, hubungan kekeluargaan dan pengaruh rakan sebaya terhadap tingkah laku delinkuen pelajar (kriterion).



Rajah 1 : Model Peramal Faktor Jantina, Hubungan Kekeluargaan, Pendapatan Keluarga, Kecerdasan Emosi Dan Pengaruh Rakan Sebaya Terhadap Tingkah Laku Delinkuen

Implikasi Kajian

Setiap kajian yang dibuat akan memberi implikasi kepada beberapa pihak. Implikasi ini terutamanya kepada ibu bapa yang merupakan insan yang paling signifikan dengan pelajar dan juga guru yang merupakan insan kedua yang signifikan dalam kehidupan seseorang pelajar. Daripada dapatan kajian ibu bapa hendaklah lebih mengeratkan lagi hubungan dengan anak-anak mereka supaya anak-anak merasa lebih mudah berkomunikasi dengan keluarga. Ibu bapa juga perlu bertukar-tukar pendapat dengan

anak-anak dan mengambil tahu tentang kesulitan yang mereka hadapi. Komunikasi dua hala antara ibu bapa dan anak-anak sangat penting bagi menjamin kebahagiaan keluarga.

Menurut Mustaffa Hj Daud (1997), keluarga merupakan tempat perlindungan paling sempurna, sama ada dari masalah dalaman mahupun luaran. Keluarga merupakan tempat meluahkan perasaan dan mendapatkan nasihat. Tidak kira berapa juga usia ahli keluarga pastinya dapat membantu ahli keluarga yang lain. Ibu bapa juga perlu diberikan kesedaran tentang bentuk didikan yang sesuai untuk anak-anak mereka. Kemahiran keibu bapaan perlulah diberikan kepada bakal ibu bapa terutama soal pendidikan anak-anak dan bagaimana memahami perkembangan fizikal, mental dan emosi mereka. Daripada kajian ibu bapa memberi perhatian kepada anak-anak mereka tetapi secara luaran sahaja.

Kerapatan ibu bapa dengan anak-anak perlulah diperjelas seperti perlunya masa bersiar-siar dengan anak-anak dan mengambil tahu apa yang dilakukan oleh anak-anak di dalam dan di luar rumah. Ibu bapa juga perlulah mengambil tahu siapakah rakan anak-anak mereka kerana pengaruh rakan ini memang tidak dinafikan dapat memberikan sumbangan yang amat besar terhadap peningkatan tingkah laku delinkuen anak. Ini dapat membantu meningkatkan tahap kecerdasan emosi anak secara tidak langsung.

Pihak sekolah terutamanya guru-guru perlulah mengambil tahu tentang keadaan dan situasi pelajar masa kini. Keadaan keluarga dan kekurangan yang ada dalam diri pelajar perlu dibantu dengan memberikan sokongan emosi supaya dapat meningkatkan tahap kecerdasan emosi mereka. Hubungan guru dengan pelajar perlu disesuaikan dengan keadaan dan situasi pelajar melalui kerapatan mereka di bilik darjah atau melalui program-program motivasi dan kerohanian yang diadakan oleh pihak sekolah. Penerapan nilai murni dan akhlak yang baik perlu dilakukan dalam pengajaran dan pembelajaran di kelas. Guru juga perlu mewujudkan situasi pembelajaran yang menyeronokkan supaya pelajar lebih berminat untuk menimba ilmu di sekolah.

Masyarakat setempat juga perlu prihatin, atas segala bentuk tindakan atau tingkah laku pelajar yang mencurigakan. Sikap berterus terang, memberi teguran dan membuat pengaduan kepada pihak yang bertanggungjawab perlu dilakukan sekiranya berlaku tingkah laku delinkuen pelajar di sekitar kediaman mereka. Masyarakat juga perlu sama-sama memimpin dan membimbing mereka supaya menjalankan tanggungjawab sebagai pelajar.

Cadangan Tindakan

Hasil dapatan kajian yang dijalankan bagi aspek hubungan kekeluargaan iaitu keluarga (ibu bapa) mendengar dengan baik mempunyai min yang paling rendah iaitu pada min 3.80 dan sisihan piawai 1.150 antara pernyataan-pernyataan yang lain. Antaranya adalah melalui keharmonian keluarga kerana keharmonian keluarga dapat membentuk sahsiah peribadi atau personaliti seseorang. Keadaan ini wujud apabila mereka dapat saling berkongsi masalah antara ahli keluarga. Ibu bapa perlu memberi perhatian pada pelajaran dan perkembangan sosial emosi anak-anak mereka. Dengan itu, pelajar hidup dalam kebahagiaan tanpa masalah keluarga. Seterusnya, pelajar dapat menumpukan perhatian terhadap pelajaran dan sentiasa mematuhi peraturan sekolah. Selain itu penerapan unsur-unsur agama kepada remaja juga perlu ditekankan.

Aspek pengaruh rakan sebaya pula, min yang tertinggi adalah pada pernyataan rakan selalu mengajak melakukan perkara yang tidak baik pada min 4.29 dan sisihan

piawai 0.916. Justeru itu agama adalah alat pendidikan yang paling berkesan di samping alat kawalan dalam memastikan pelajar tidak melakukan sesuatu yang bertentangan dengan norma, undang-undang dan ajaran agama itu sendiri.

Hasil kajian yang dijalankan mendapati bahawa tingkah laku berbohong kepada ibu bapa, rakan atau orang lain merupakan salah satu antara tingkah laku devian yang mencatatkan min yang tertinggi iaitu 2.32 dan sisihan piawai 1.038. Tidak dapat dinafikan bahawa berbohong merupakan faktor utama yang boleh menjerumuskan pelajar kepada pelbagai tingkah laku devian. Pihak pentadbir sekolah juga perlu menilai semula program-program pencegahan jenayah yang dilaksanakan di sekolah kerana pendekatan ceramah tidak sesuai lagi. Hanya pelajar yang tidak bermasalah disiplin sahaja yang sanggup mendengar ceramah. Jadi, kaedah bimbingan dan kaunseling perlu sentiasa dikemas kini dalam menarik perhatian pelajar. Selain itu persekitaran sekolah yang menarik penting supaya pelajar dapat memberi tumpuan sepenuhnya untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang berfaedah. Ia dapat mengelakkan pelajar daripada memilih 'tempat-tempat hitam' sebagai tempat mereka melarikan diri daripada kebosanan berada di rumah dan di sekolah..

Hasil kajian yang dijalankan juga mendapati bahawa tingkah laku ponteng sekolah merupakan salah satu antara tingkah laku devian yang mencatatkan min yang tertinggi. Tidak dapat dinafikan bahawa ponteng sekolah merupakan faktor utama yang boleh menjerumuskan pelajar kepada pelbagai tingkah laku devian. Ketidakhadiran atau ponteng sekolah mempunyai perkaitan yang signifikan dengan delinkuensi jenayah kecil di kalangan remaja. Pelajar yang kerap ponteng sekolah mempunyai masa senggang yang banyak dan ini menyebabkan mereka mengisi masa senggang mereka dengan aktiviti-aktiviti yang berbentuk negative dan ini termasuklah aktiviti devian atau delinkuensi. Di pihak guru, aktiviti pengajaran dan pembelajaran haruslah dipertingkatkan mutunya agar pelajar lebih berminat untuk datang ke sekolah serta menghilangkan kebosanan mereka terhadap situasi di dalam kelas. Pelajar juga perlu diberikan motivasi yang secukupnya agar mereka sedar kepentingan menghadirkan diri ke sekolah setiap hari. Selain itu masyarakat juga perlu memainkan peranan dalam mengesan dan melapor aktiviti ponteng sekolah kepada pihak sekolah dan ibu bapa pelajar terbabit atau pun pihak polis supaya gejala ini dapat dibendung.

Melepak di pusat membeli belah mencatatkan antara min yang tertinggi iaitu 1.77. Bengkel-bengkel kemahiran diri seperti menjahit, memasak, pertukangan perlu diperluaskan supaya ianya dapat digunakan secara maksimum bagi menghilangkan kebosanan pelajar. Usaha ini memerlukan gabungan kerjasama ibu bapa, guru, masyarakat, penguat kuasa undang-undang dan kerajaan termasuk pelajar sendiri. Penggembelengan tenaga ini penting kerana berlakunya peningkatan yang ketara dan drastik dalam aktiviti salah laku sekalipun belum mencapai peringkat yang serius dan kritikal.

Kajian yang dijalankan ini juga mengesan sebilangan pelajar yang terlibat dalam aktiviti lumba haram dan menunggang motosikal tanpa lesen. Min tingkah laku devian ini berada pada tahap yang tinggi di antara tingkah laku devian yang lain iaitu pada min 1.92. Gejala mat rempit telah menjadi satu isu nasional yang hangat diperkatakan sekarang. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa dan penjaga bagi

mengawasi pergerakan dan aktiviti anak-anak mereka agar tidak terlibat dengan gejala ini. Anak-anak mereka tidak sepatutnya dibiarkan menunggang motosikal sewenang-wenangnya sekiranya mereka tidak mempunyai lesen memandu yang sah dan langkah ini sedikit sebanyak akan dapat mengelakkan mereka dari terlibat dengan aktiviti lumba haram. Pihak kerajaan, melalui polis diharapkan dapat mengadakan siri-siri ceramah di sekolah-sekolah bagi memberi kesedaran kepada pelajar-pelajar tentang gejala lumba haram dan kesalahan menunggang motosikal tanpa lesen. Mereka juga perlu disedarkan bahawa aktiviti ini sangat membahayakan nyawa diri sendiri dan pengguna-pengguna jalan raya yang lain. Selain itu pihak polis juga diharapkan mengadakan rondaan-rondaan yang lebih kerap khususnya di waktu malam bagi mengawasi aktiviti mat rempit.

Usaha-usaha bagi menangani masalah sosial ini perlu dilakukan secara berterusan dan bukan hanya bersifat “sudah terhantuk baru tengadah”. Setiap pihak tidak sepatutnya menunggu sehingga sesuatu masalah itu timbul, barulah masing-masing berusaha untuk menanganinya. Setiap pihak haruslah sedar mencegah itu lebih baik daripada mengubati.

Cadangan Kajian Lanjutan

Penyelidik juga ingin mengemukakan saranan bagi kajian-kajian yang bakal dijalankan oleh penyelidik lain dalam bidang salah laku pelajar di sekolah.

1. Adalah dicadangkan kajian serupa ini boleh diperluaskan di sekolah-sekolah menengah di seluruh negeri supaya populasi pelajar yang lebih ramai dapat digunakan.
2. Adalah dicadangkan kajian akan datang dibuat dengan membuat perbandingan antara pelajar sekolah menengah harian biasa dengan pelajar sekolah premier dan pelajar dari sekolah berasrama penuh.
3. Kajian ini hanya melibatkan pelajar-pelajar tingkatan dua dan empat dari sekolah Bestari menengah harian biasa. Adalah dicadangkan agar kajian lanjutan yang serupa dapat dijalankan ke atas sekolah-sekolah berasrama penuh yang terdiri daripada golongan pelajar yang berpendidikan tinggi. Kehidupan di asrama yang mempunyai suasana yang berbeza dengan di rumah mungkin akan memberikan dapatan yang lebih kompleks lagi tentang gejala tingkah laku devian. Hasil kajian ini nanti akan dapat dikaitkan dengan aspek pencapaian akademik mereka.
4. Adalah dicadangkan sama ada pihak individu ataupun mana-mana badan dapat memperluaskan kajian berkaitan punca salah laku yang mempunyai hubung kait dengan hubungan kekeluargaan, pengaruh rakan sebaya dan kecerdasan emosi. Dengan harapan, ia dapat menambah manfaat kepada semua golongan seperti pendidik, cendekiawan, ibu bapa dan ahli masyarakat sebagai rujukan.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, kita dapat menyatakan untuk berhadapan dengan golongan pelajar yang mempunyai masalah salah laku bukanlah tugas yang disukai oleh kebanyakan orang. Pelajar menjadi bermasalah kerana gangguan tertentu dalam perkembangan personaliti mereka yang mendorong ke arah itu. Seperti yang kita lihat, banyak faktor terlibat dalam memainkan peranan dalam hal ini. Jarang-jarang kita mendapati hanya satu faktor yang jelas menjadi penyebab. Biasanya lebih dari satu faktor yang menyumbang kepada gangguan dari segi perkembangan personaliti dan membawa kepada masalah salah laku.

Huraian di atas mempunyai implikasi langsung kepada ibu bapa, guru-guru, kaunselor, pentadbir sekolah, Kementerian Pelajaran dan ahli masyarakat dalam melaksanakan kewajipan mengasuh dan mendidik pelajar-pelajar ke arah pencapaian yang cemerlang. Justeru itu, pelajar-pelajar perlu diberi bimbingan berterusan bagi memajukan potensi mereka. Ibu bapa perlu memberi perhatian bagi menjamin pencapaian akademik dan pembentukan personaliti yang baik pada pelajar seperti meluangkan masa bersama pelajar, memberi sokongan dan hubungi pihak sekolah bagi mengetahui perkembangan dan masalah mereka.

Masih banyak lagi faktor-faktor yang mempengaruhi salah laku pelajar yang perlu dikaji dan dikupas kerana ianya akan dapat memberi sumbangan yang besar kepada semua golongan masyarakat dan pihak kerajaan bagi membendung masalah salah laku daripada berleluasa dan berterusan sehingga terbawa-bawa ke alam dewasa. Adalah amat merugikan sekiranya generasi akan datang yang dikatakan sebagai pemimpin masa depan tidak mempunyai disiplin dan personaliti yang baik disebabkan masalah salah laku yang mereka alami di zaman persekolahan tidak dapat ditangani dengan baik. Semoga para pelajar sentiasa berpersonaliti sebagai pelajar yang baik dan berdisiplin bagi memastikan negara mempunyai pemimpin masa depan yang boleh dipercayai.

Rujukan

Abd Rahim Abd Rashid. (1993). *Pendidikan Merentasi Kurikulum*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ab Alim Abdul Rahim, (1994). *Pengantar Psikologi Bilazim*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Hadi Zakaria. (2000). *Laporan Kajian Tingkah Laku Remaja Johor*. Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim, Johor Bahru.

Abdul Jalil, (Mei 2000). *Demam Masyarakat*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Abdullah Sani Yahya (2006). *Mengurus Disiplin Pelajar*. Bentong : PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdullah Al-Hadi Mohamed. (1993). *Faktor-faktor Keluarga dan Tingkah Laku Penyalahgunaan Dadah: Satu Kajian Perbandingan Antara Penyalahgunaan Dadah dan Bukan Penyalahgunaan Dadah*. Journal of Science and Humanities, Vol 1, 41-45.
- Alice Rani, A.S. (1988). *Gaya Asuhan Keluarga dan Pembentukan Personaliti Remaja*. UKM: Tesis Ijazah Sarjana Muda (Tidak diterbitkan).
- Azizi Yahaya & Jaafar Sidek Latif (2005). *Membentuk Identiti Remaja*. Bentong : PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Azizi Yahaya. et.al. (2005). *Aplikasi Kognitif dalam Pendidikan*. Pahang: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Azizi Yahaya. et.al. (2005). *Psikologi Kognitif*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi Yahaya, Jaafar Sidek Latif, Shahrin Hashim dan Yusof Boon, (2005). *Psikologi Sosial: Alam Remaja*. Bentong, Pahang: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Azizi Yahaya. et.al. (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Pahang: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Bandura, A. dan Walters, R.H., (1959). *Adolescence Aggression*. New York: Ronald Press.
- Bandura, A. (1977). *Social Learning Theory*. Englewood Cliffs. New Jersey: Prentice Hall.
- Bandura, A. & Mischel, W. (1986). *Social Foundation Of Thought And Action: A Social And Cognitive Theory*. Englewood Cliffs. New Jersey: Prentice Hall.
- Bandura, A. (1965). *Influence Of Models' Reinforcement Contingencies On The Acquisition Of Imitative Responses*. Journal of Personality and Social Psychology, 6, 589 – 595.
- Baumrind, D. (1989). *Rearing Competent Children*. In Child Development Today and Tomorrow, Damon, W. (Ed.). San Francisco: Jossey-Bass, pp. 349-378.
- Badruzaman (2007). *Persekitaran Keluarga Dan Kesannya Terhadap Tingkahlaku Devian Remaja Di Daerah Pontian*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Bakhtiar Mansor (1994). Ponteng Satu Pendekatan Secara kaunseling. Dalam Aminah Hj. Hashim. *Jurnal Bimbingan dan Kaunseling di Malaysia*. Hlm. 165-176.
- Bee, H & Boyd, D. (2000). *Life Span Developmental*. Boston: Allyn & Bacon.
- Becker, J. (2003). *The Social Creation of A Social Problem*. (unpublished doctoral dissertation). Washington State University.
- Benda, B.B. (1995). *The Effect of Religion on Adolescent Delinquency Revisited*. Journal of Research in Crime and Delinquency.
- Block, J., Block, J.H., dan Keyes, S. (1988). *Longitudinally Foretelling Drug Usage in Adolescence: Early Childhood Personality and Environmental Precursors*. Child Development, 59, 336-355.
- Borg, M.G. & Gall. (1983). *The Emotion Reaction Of School Bullies And Their Victims*. Educational Psychology, 18, 433 – 444.

- Byrne, D. (1981). *An Introduction to Personality*. 3rd Edition. New Jersey: Prentice Clark, R.D., dan Shields, G. (1997). *Family Communication and Delinquency*. *Adolescence*, 32(125), 81-92.
- Ch'ng Chwee Iye (1976). *A Comparative Study of the Self-Concept of Delinquent and Non-Delinquent Adolescents*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur : Jurnal Pendidikan , Jld VI Oktober 1976.
- Coleman, M. C. (1986). *Behaviour Disorders : Theory and Practice*. New Jersey : Prentice Hall.
- Connel, W.F. (1981). *Asas Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Csikszentmihalyi, M., Larson, R., dan Prescott, S. (1977). *The Ecology of Adolescent Activity and Experience*. *Journal of Youth and Adolescence*, 6, 281-294.
- Dishion, T., Andrews, D., dan Crosby, L. (1995). *Anti Social Boys and Their Friends in Early Adolescence: Relationship Characteristics, Quality and Interactional Process*. *Child Development*, 66, 139-151.
- Dishion, T.J., Patterson, G.R., Stoolmiller, M., dan Skinner, M.L. (1991). *Family, School and Behavioural Antecedents to Early Adolescent Involvement with Antisocial Peers*. *Developmental Psychology*, 27(1), 172-180.
- Dornbusch, S., Carlsmith, J., Ritter, P., dan Leiderman, P. (1985). *Single Parents, Extended Households and The Control of Adolescents*. *Child Development*, 52, 179-185.
- Dryfoos, J. (1990). *Adolescents at Risk : Prevalence and Prevention*. New York: Oxford University Press.
- Durkheim, G.D. (1987). *Multimethod Research : A Synthesis of Styles*. Beverly Hills: Sage.
- Eron, L.D. (1982). *Parent-Child Interaction, Television Violence and Aggression of Children*. *American Psychologist*, 37, 197-211.
- Fergusson, D., dan Horwood, L. (1996). *The Role of Adolescent Peer Affiliations in the Continuity Between Childhood Behavioural Adjustment and Juvenile Offending*. *Journal of Abnormal Child Psychology*, 24, 205-221.
- Fontana, A. (1981). *Social Problems*. New York : Holt Rinehart Winston.
- Forgatch, M., dan Stoolmiller, M. (1994). *Emotions as Contexts for Adolescent Delinquency*. *Journal of Research on Adolescence*, 4, 601-614.
- Guilford, J.P. (1967). *The Nature of Human Intelligence*. New York: McGraw Hill.
- Henggeler, S., Melton, G., dan Smith, L. (1992). *Family Prevention Using Multisystemic Therapy: An Effective Alternative to Incarcerating Serious Juvenile Offenders*. *Journal of Consulting and Clinical Psychology*, 60, 953-961.
- Hoffman, L. (1996). *Progress and Problems in The Study of Adolescence*. *Developmental Psychology*, 32, 777-780.
- Huizinga, D., dan Elliot, D. (1985). *Juvenile Offenders Prevalence, Offender Incidence and Arrest Rates by Race*. Boulder, CO: Institute of Behavioural Science.
- Naapie Mat (Januari, 1997). *Masalah Disiplin Pelajar Sekolah*. Akademik, m.s. 20
- Olweus, D. (1978). *Victimisation By Peers: Antecedents And Longterm Outcomes*. In K.H. Rubin & J.B. Asendorpf (Eds.), *Social Withdrawal, Inhibition and shyness* In

- Childhood. Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- Renfrew, J.W. (1997). *Aggression And It Causes: A Bio Psychosocial Approach*. New York: Oxford Universiti Press.
- Roberta, L.B. dan Virginia, K.C. (1997). *Self Reported Differences in The Experience and Expression of Anger Between Girls and Boys*. *Sex Roles*, 36(9/10), 625-637.
- Rogers, D. (1981). *Adolescence and Youth*. United State : Prentice Hall.
- Smith, R.W. dan Fontana, A. (1981). *Social Problems*. New York: Holt Rinehart Winston.
- Snyder, H. Dan Sickmund, M. (1995). *Juvenile Offenders and Victims : A National Report*. Washington, DC: Office of Juvenile Justice and Delinquency Prevention.
- Sokol-Katz, J., Dunham, R., dan Zimmerman, R. (1997). *Family Structure Versus Parental Attachment in Controlling Adolescent Deviant Behaviour: A Social Control Model*. *Adolescence*, 32(125), 199-215.
- Stattin, H., dan Magnusson, D. (1994). *Behavioural and Interpersonal Antecedents Behind The Age at Leaving Home and The Future Consenquences for Parent-Child Relations*. Paper Presented at The Biennial Meetings of The Society for Research on Adolescence, San Diego.
- Wells, L.E. (1989). *Self-Enhancement Through Delinquency: A Conditional Test of Self-Derogation Theory*. *Journal of Research in Crime and Delinquency*, 26, 226-252.
- Wiersma, W. (1995). *Research Methods In Educational: An Introduction*.(6th ed.) Boston, Allyn & Bacon.
- Wilkerson, I. (1994). *Two Boys, A Debt, A Gun, A Victim: The Face of Violence*. New York Times, pp. A1 and ff.
- Wolf, R.M. (1988). Questionnaires. In Keeves, J.P. (Eds.) *Educational Research, Methodology and Measurement: An International Handbook*. Oxford: Pergamon Press, 478–482.
- Yoshikawa, H. (1994). *Prevention As Cumulative Protection: Effects of Early Family Support and Education on Chronic Delinquency and Its Risks*. *Psychological Bulletin*, 115, 28-54.
- Zuraidah Abdul Rahman (April, 2002). *Sistem Pendidikan Negara, Menghadapi Cabaran Limpahan Tenaga Kerja*. Fokus, m.s.32.

